

**PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN
SEJARAH DI MALAYSIA DARI
TAHUN 2013 HINGGA 2020**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN
SEJARAH DI MALAYSIA DARI
TAHUN 2013 HINGGA 2020**

NURUL SYAHIRAH BINTI AWANG PUTERA



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah yang bertajuk *Perkembangan Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia dari Tahun 2013 hingga 2020* ini adalah hasil usaha dan kerja saya sendiri kecuali nukilan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.



**NURUL SYAHIRAH BINTI
AWANG PUTERA
BA19110666**

12 OGOS 2022

TARIKH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NURUL SYAHIRAH BINTI AWANG PUTERA**
NO MATRIK : **BA19110666**
TAJUK : **PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI
MALAYSIA DARI TAHUN 2013 HINGGA 2020**
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**
BIDANG : **SEJARAH**

DISAHKAN OLEH



A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Smy #', written over a horizontal line.

PROF. MADYA. DR. MOHD SOHAIMI ESA

PENYELIA

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan penulisan tesis dalam tempoh yang ditetapkan. Saya berbesar hati untuk merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd Sohaimi Esa selaku penyelia saya yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Pelbagai ilmu dan pengalaman yang dapat saya teroka serta pelajari dalam proses melunaskan kajian ini. Justeru, segala pengorbanan yang dicurahkan oleh beliau akan sentiasa saya hargai dan sematkan di ingatan ini. Dengan kesempatan ini, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua pensyarah Program Sejarah (HA24) kerana banyak memberi dorongan dan panduan sehingga latihan ilmiah ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tidak dilupakan juga jutaan kalungan kasih dan penghargaan yang tidak terhingga saya dedikasikan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Awang Putera Bin Boestaman dan Mastura Abd Hamid yang telah banyak memberi sokongan dari pelbagai aspek moral, fizikal mahupun kewangan. Berkat iringan doa mereka saya berjaya menyiapkan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan melindungi kalian.

Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan saya, Puteri Muwairah Binti Afrizal dan Muhammad Zulhelmi Bin Razali yang telah banyak membantu menghulurkan sokongan, semangat, pendapat serta percambahan idea bagi merealisasikan latihan ilmiah ini dengan jayanya, ribuan terima kasih saya ucapkan. Akhir kata, ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana telah banyak memberi kerjasama dan titipan sokongan sepanjang proses penulisan tesis ini. Segala budi, jasa, serta bantuan yang kalian semua hulurkan amatlah saya hargai.

NURUL SYAHIRAH BINTI AWANG PUTERA

3 OGOS 2022

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada perkembangan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2020. Secara terperinci, kajian ini mengupas perkembangan pendidikan mata pelajaran Sejarah dan berfokus kepada penelitian dalam isi kandungan buku teks Sejarah Tingkatan 5 edisi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kajian ini juga membahaskan perbandingan buku teks bagi kedua-dua edisi KBSM dengan KSSM. Lantaran itu, tiga permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini iaitu mengetengahkan latar belakang pendidikan mata pelajaran Sejarah, menganalisis perkembangan mata pelajaran Sejarah dengan berfokus kepada kandungan buku teks dan meneliti isu, cabaran dan strategi terhadap mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian melalui pengumpulan dari pelbagai sumber menemukan bahawa subjek Sejarah sering mengalami tanggapan negatif seperti tidak mempunyai nilai dan kuasa ekonomi. Kajian ini turut mendapati bahawa sememangnya terdapat transformasi dalam kandungan buku teks Sejarah Tingkatan 5. Sehubungan itu, mata pelajaran ini berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran antaranya kekurangan guru Sejarah dan stigma 'Sejarah bosan'. Maka, strategi-strategi yang efektif perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat terutama kerajaan dan sekolah agar dapat memartabatkan 'Sejarah' seterusnya melahirkan sebuah generasi yang mampu melindungi kedaulatan negara Malaysia.

Kata Kunci: Mata Pelajaran Sejarah, Buku Teks, KBSM, KSSM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study focuses on the development of History subject in Malaysia from 2013 to 2020. In detail, this study examines the development of History subject education and focuses on research in the content of the Form 5 History textbook edition of the Secondary School Integrated Curriculum (KBSM) and Secondary School Standard Curriculum (KSSM). This study also debates the comparison of textbooks for both editions of KBSM and KSSM. Therefore, the three research problems underlying this research are: highlighting the educational background of the History subject; analysing the development of the History subject by focusing on the content of the textbook; and examining issues, challenges, and strategies for the History subject. The results of the study through collection from various sources found that the subject of History often experiences negative perceptions such as having no value and economic power. This study also found that there is indeed a transformation in the content of History textbooks in Form 5. Accordingly, this subject is faced with various issues and challenges, including the lack of History teachers and the stigma of "boring History." Therefore, effective strategies need to be implemented by the parties involved, especially the government and schools, in order to dignify "History" and give birth to a generation capable of protecting the sovereignty of Malaysia.

Keywords: *History Subject, Textbook, KBSM, KSSM*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi-viii
SENARAI GAMBAR	ix-x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang Kajian	3-4
1.3 Isu dan Permasalahan Kajian	4-6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Sorotan Literatur	7-13
1.6 Kepentingan Kajian	13-14
1.7 Skop Kajian	14-15
1.8 Metodologi Kajian	15
1.9 Pembahagian Bab	16-17
1.10 Kesimpulan	17-18
BAB 2: ULASAN KANDUNGAN MATA PELAJARAN SEJARAH: BUKU TEKS TINGKATAN 5 (KBSM)	
2.1 Pengenalan	19-20
2.2 Sejarah Pendidikan Mata Pelajaran Sejarah di Malaysia	20-22
2.3 Kandungan dalam Buku Teks Tingkatan 5 (KBSM)	22-23
2.4 Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara (Bab 1)	23-25
2.5 Nasionalisme di Malaysia Sehingga Perang Dunia Kedua (Bab 2)	25-29

2.6	Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa (Bab 3)	30-33
2.7	Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia (Bab 4)	33-38
2.8	Pembinaan Negara dan Bangsa Yang Merdeka (Bab 5)	38-42
2.9	Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia (Bab 6)	42-46
2.10	Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Negara Malaysia (Bab 7)	46-48
2.11	Pembangunan dan Perpaduan untuk Kesejahteraan (Bab 8)	49-51
2.12	Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Bab 9)	51-53
2.13	Kesimpulan	53-54

**BAB 3: ULASAN KANDUNGAN MATA PELAJARAN SEJARAH:
BUKU TEKS TINGKATAN 5 (KSSM)**

3.1	Pengenalan	55-56
3.2	Kandungan Dalam Buku Teks Tingkatan 5 (KSSM)	56-57
3.3	Kedaulatan Negara (Bab 1)	57-60
3.4	Perlembagaan Persekutuan (Bab 2)	60-63
3.5	Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen (Bab 3)	63-68
3.6	Sistem Persekutuan (Bab 4)	68-72
3.7	Pembentukan Malaysia (Bab 5)	72-76
3.8	Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia (Bab 6)	76-80
3.9	Membina Kesejahteraan Negara (Bab 7)	80-85
3.10	Membina Kemakmuran Negara (Bab 8)	86-89
3.11	Dasar Luar Malaysia (Bab 9)	90-94
3.12	Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia (Bab 10)	94-98
3.13	Perbandingan Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 Edisi KSSM dengan KBSM	98-102
3.14	Kesimpulan	103

BAB 4:	ISU, CABARAN DAN STRATEGI TERHADAP MATA PELAJARAN SEJARAH	
4.1	Pengenalan	104-105
4.2	Isu Terhadap Mata Pelajaran Sejarah	106
4.2.1	Kekurangan Guru Sejarah	106-107
4.2.2	Penerimaan Masyarakat Terhadap Isi Kandungan yang Dibincangkan dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5	108-111
4.2.3	Rujukan Sejarah Lebih Banyak dalam Bahasa Inggeris	111-112
4.3	Cabaran Terhadap Mata Pelajaran Sejarah	112-113
4.3.1	Stigma 'Sejarah Bosan'	113-114
4.3.2	Kurang Kemahiran Penggunaan Teknologi Moden	115-118
4.4	Strategi Memartabatkan Mata Pelajaran Sejarah	118
4.4.1	Memantapkan Kredibiliti Guru	118-120
4.4.2	Mengadakan Program dan Pertandingan yang Berunsurkan Sejarah	120-121
4.4.3	Menawarkan Latihan dan Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur	121-123
4.5	Kesimpulan	123
BAB 5:	KESIMPULAN	124-131
	BIBLIOGRAFI	132-141
	LAMPIRAN	142

SENARAI GAMBAR

	HALAMAN
Gambar 2.3 : Senarai Kandungan Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KBSM) Bab 1 Hingga Bab 4	22
Gambar 2.4 : Faktor-faktor Imperialisme Barat	23
Gambar 2.5 : Pemimpin Tempatan Rentap, Dato' Maharaja Lela dan Mat Salleh	26
Gambar 2.6 : Generasi Muda Adalah Asas ke Arah Pembinaan Bangsa Malaysia	30
Gambar 2.7 : Sudut Maklumat Dato' Onn Ja'afar	36
Gambar 2.9 : Peta Konsep Faktor-faktor Pembentukan Malaysia	43
Gambar 2.10 : Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-12	47
Gambar 3.2 : Senarai Kandungan Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KSSM) Bab 4 Hingga Bab 10	56
Gambar 3.3 : Peta Konsep Takrif Kedaulatan	58
Gambar 3.3.1 : Langkah Mempertahankan Kedaulatan	59
Gambar 3.4 : Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan	61
Gambar 3.5 : Peta Konsep Fungsi Majlis Raja-Raja	65
Gambar 3.5.1 : Peta Konsep Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan	67
Gambar 3.6 : Peta Alir Pembentukan Sistem Persekutan di Malaysia	69
Gambar 3.6.1 : Peta Minda Fungsi Kerajaan Tempatan	70
Gambar 3.7 : Reaksi Awal Terhadap Gagasan Malaysia	73
Gambar 3.7.1 : Konfrontasi Pembentukan Malaysia	75
Gambar 3.8 : Pemisahan Singapura daripada Malaysia	78
Gambar 3.9 : Perpaduan dan Integrasi Nasional	81
Gambar 3.9.1 : Sukan Sebagai Alat Perpaduan	84
Gambar 3.10 : Pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara (DPN)	88
Gambar 3.11 : Sumbangan dalam Misi Pengaman	91
Gambar 3.11.1: Misi Pegawai Pemerhati	92

Gambar 3.12 :	Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan	96
Gambar 3.13 :	Penggunaan Warna dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KBSM)	98
Gambar 3.13.1:	Penggunaan Warna dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KSSM)	99
Gambar 3.13.2:	Ilustrasi dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KBSM)	100
Gambar 3.13.3:	Ilustrasi dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KSSM)	100
Gambar 3.13.4:	Pembahagian Bab dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 (KSSM)	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
KMM	-	Kesultanan Melayu Melaka
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pembangunan Nasional



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		HALAMAN
Gambar A.1:	Muka Hadapan Buku Teks Tingkatan 5 (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah)	142
Gambar A.2:	Muka Hadapan Buku Teks Tingkatan 5 (Kurikulum Standard Sekolah Menengah)	142



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada zaman dahulu, pendidikan adalah sebuah pilihan kerana tidak terlalu dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat lampau. Kini, sejajar dengan arus peredaran masa pendidikan merupakan antara perkara yang tidak asing lagi dalam norma masyarakat malah menjadi salah satu alat pengukur dalam menentukan taraf mahupun kualiti hidup manusia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa subjek yang masih kurang diberi penekanan dalam kalangan masyarakat terutamanya mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat lebih memilih dan memfokuskan kepada subjek-subjek seperti Fizik, Biologi, Perakaunan dan lain-lain yang dipercayai mampu memberikan jaminan pekerjaan yang jauh lebih baik. Majoriti pelajar merasakan bahawa subjek Sejarah tidak menjanjikan peluang dan nilai ekonomi yang lebih luas berbanding mata pelajaran lain.¹ Perkara ini sudah meresapi dan sehati dalam pemikiran masyarakat ekoran berita ataupun mitos semata-mata sehingga wujudnya pembahagian kelas-kelas dalam bidang pendidikan. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa golongan masyarakat masih kurang memahami kepentingan elemen sejarah sehingga mengabaikannya dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, hakikat sebuah sejarah adalah sangat mustahak dalam diri setiap individu.

Secara umumnya, sejarah merujuk kepada segala bentuk dan hakikat tingkah laku manusia yang benar-benar pernah berlaku pada zaman dahulu.² Sehubungan itu, semua masyarakat seharusnya memahami dan menghayati pensejarahan kerana

¹ Rupawan Ahmad, *Sejarah, Masyarakat dan Pendidikan, JEBAT*, Vol 18, 1990: 61.

² *Ibid.*, hlm. 59.

melalui pemahaman sejarahlah mereka akan mengetahui kebenaran serta dapat menjejaki kisah asal-usul dan warisan budaya masing-masing. Tambahan pula, ilmu sejarah yang dimiliki mampu dijadikan sebagai salah satu wadah dalam mendidik generasi akan datang yang bakal mewarisinya. Seterusnya, pendidikan pula boleh diertikan sebagai siri perubahan tabiat dan kelakuan seseorang atau kelompok masyarakat dalam usaha untuk memantapkan manusia melalui upaya pendidikan dan latihan, proses perbuatan dan cara mendidik.³ Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa setiap individu perlu belajar dari masa lalu agar dapat mengubah haluan ke arah yang jauh lebih baik. Oleh hal yang demikian, sejak zaman dahulu hingga kini Sejarah menjadi antara mata pelajaran yang mesti ditekankan serta diutamakan dalam bidang pendidikan. Bahkan, sejak tahun 2013, mata pelajaran Sejarah menjadi salah satu mata pelajaran yang wajib lulus bagi semua pelajar yang mengambil Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tidak kira pelajar dari aliran sains tulen mahupun sastera.⁴ Justeru, penceritaan ataupun pengajaran mata pelajaran Sejarah yang jelas dalam sistem pendidikan mampu melahirkan serta memupuk sikap moral dan rasa bangga dalam kalangan masyarakat seterusnya meningkatkan rasa minat kepada mata pelajaran Sejarah.

Kurangnya minat, penekanan dan perhatian mata pelajaran Sejarah dalam pendidikan awal khususnya peringkat sekolah menengah mengakibatkan masalah pengabaian ataupun memandang ringan akan pembelajaran Sejarah itu sendiri. Dalam pada itu pemilihan kata, huraian, fakta mahupun penggunaan ilustrasi dalam buku teks sememangnya mempengaruhi minat para pelajar kerana mampu merangsang minda mereka untuk menelaah dan mentafsir sendiri isi perbincangan buku teks yang telah dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu, latihan ilmiah ini merupakan sebuah penulisan yang memfokuskan kepada kandungan buku teks mata pelajaran Sejarah khususnya Tingkatan 5. Terdapat dua edisi yang akan dikupas bagi kedua-dua buku teks Tingkatan 5 iaitu edisi tahun 2013 (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) dan edisi tahun 2020 (Kurikulum Standard Sekolah Menengah). Secara keseluruhannya, senarai topik buku

³ Munir Yusuf, *Pengantar Ilmu Pendidikan*, Lembaga Penerbit Kampus IAIN Palopo, 2018, hlm. 8.

⁴ Khairul Ghufuran K, Mansor Mohd N & Mohd Mahzan A, Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah di Malaysia, *Jurnal Pemikir Pendidikan*, Vol. 9, 2018: 31.

teks Tingkatan 5 edisi lama hanya mempunyai 9 Bab utama manakala terdapat 10 Bab utama yang terkandung dalam buku teks bagi edisi baru. Justeru, bab-bab ini akan dikaji dan dianalisis untuk memperlihatkan perbandingan serta mengesan punca dan isu dalam proses pendidikan mata pelajaran Sejarah terutamanya peringkat menengah atas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah bukanlah suatu elemen yang baru dalam masyarakat tetapi menjadi salah satu komponen penting dalam pelbagai aspek kehidupan manusia termasuklah bidang pendidikan. Kajian ini memegang matlamat untuk mengupas perkembangan pendidikan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2020. Hal ini demikian kerana, mata pelajaran Sejarah itu sendiri kurang mendapat perhatian dan tidak begitu menarik minat sebilangan besar daripada para pelajar khususnya Tingkatan 5. Maka dengan itu, masalah ini sangat berkait rapat dengan sumber rujukan ataupun panduan utama mereka iaitu buku teks Sejarah. Perubahan kandungan buku teks edisi KBSM kepada edisi KSSM sebenarnya memberi pengaruh besar kepada minat para pelajar untuk mempelajari segala peristiwa dan fakta sejarah yang tertulis serta dibincangkan. Justeru, kajian ini akan mengupas sistem pendidikan sejarah dan kandungan buku teks Sejarah Tingkatan 5 tahun 2013 (edisi KBSM) dan edisi tahun 2020 (KSSM).

Dalam konteks edisi KBSM, Bab 1 merangkumi tentang Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara. Bab ini ada menyentuh berkaitan pendedahan kepada imperialisme Barat di Asia Tenggara dari segi konsep mahupun faktor kemunculannya. Sementara itu, Bab 1 dalam buku teks edisi KSSM pula bertajuk Kedaulatan Negara. Perkara ini jelas lagi nyata memperlihatkan berlaku perubahan yang ketara dalam pendedahan isi kandungan mata pelajaran Sejarah kepada pelajar-pelajar Tingkatan 5. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan dari segi penggunaan imej, penjadualan, peta dan gambar yang dimasukkan ke dalam buku teks namun perbezaan masih dapat dikenal pasti dari segi penghuraian fakta. Dalam erti kata lain, buku teks edisi lama lebih banyak menggunakan ayat yang agak panjang untuk menjelaskan atau menceritakan sesuatu fakta manakala edisi baru

adalah lebih pendek dan singkat. Justeru, kesemua bab ini akan dibincangkan untuk melihat latar belakang mata pelajaran Sejarah edisi tahun 2013 dengan lebih terperinci seterusnya membuat perbandingan dengan keluaran edisi baru. Maka dengan itu, kajian yang dijalankan ini membincangkan perkembangan pendidikan mata pelajaran Sejarah khususnya buku teks Tingkatan 5 edisi tahun 2013 dan 2020. Hal ini bertujuan untuk memperlihatkan perbandingan kedua-dua edisi yang dikeluarkan oleh KPM.

1.3 Isu dan Permasalahan Kajian

Apabila disebut sahaja tentang pendidikan Sejarah di Tanah Melayu mahupun Malaysia sudah pasti kisah dibalik topik ini dan perkembangannya adalah sangat rumit dan kompleks. Secara amnya, pendidikan di Tanah Melayu sekitar abad ke-14 masih belum mempunyai sistem pendidikan yang sistematik dan teratur serta dipercayai berbentuk pendidikan bukan formal. Umumnya, pendidikan bukan formal adalah berkait rapat dengan segala bentuk aktiviti di luar bidang piawai persekolahan seperti perkhidmatan pertanian.⁵ Di samping itu, pendidikan pada ketika itu telah tersebar luas sejajar dengan perkembangan Islam di kawasan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu. Walau bagaimanapun, ketibaan dan intervensi kuasa asing pada abad ke-19 telah membawa perubahan yang sangat pesat terhadap norma masyarakat begitu juga dengan sistem pendidikan di Tanah Melayu. Amalan dan dasar pendidikan yang dipraktikkan oleh pihak Inggeris telah memberi impak hebat kepada penduduk pribumi Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pihak Inggeris dipercayai telah menguasai dan mengongkong corak serta struktur pendidikan di Tanah Melayu.⁶ Justeru, terdapat pelbagai bentuk perubahan yang jelas ketara dalam sistem pendidikan semasa Alam Melayu berada di bawah tampuk pemerintahan kuasa Inggeris.

Dalam sedar tidak sedar, sistem pendidikan di Malaysia sebenarnya turut dipengaruhi oleh struktur pendidikan yang diaplikasikan pada zaman pemerintahan

⁵ John Simmons. Ed, *The Education Dilemma: Policy Issues for Developing Countries in the 1980s*, Oxford: Pergamon Press, 1980.

⁶ Sufean Hussin, *PENDIDIKAN DI MALAYSIA: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, Hlm. 4.

Inggeris. Hal ini bermakna, idea-idea yang digunakan oleh kuasa Barat ini menjadi pendorong atau sumber ilham kepada pembentukan sistem pendidikan di negara Malaysia itu sendiri. Walau bagaimanapun, proses pembentukan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British sebenarnya melibatkan tipu muslihat atau bermotifkan kapitalisme kerana bermatlamatkan untuk kepentingan sendiri sahaja. Seperti yang diketahui umum, pembelajaran pendidikan Sejarah adalah berdasarkan sumber ataupun rujukan daripada buku teks yang disediakan oleh KPM. Sehubungan itu, kebenaran fakta serta kerelevanan isi kandungan sejarah dalam buku-buku teks menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

Begitu juga dengan isu ataupun persoalan tentang penerimaan masyarakat yang berlainan bangsa terhadap kandungan yang dimuatkan dalam buku teks Sejarah di Malaysia. Tambahan lagi, cabaran yang wujud dalam bidang pendidikan adalah apabila sistem pengajaran yang digunapakai semakin moden dan memerlukan alat bantu dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Namun, adakah perkara ini turut diimplementasikan dalam kalangan para pelajar yang berada di kawasan luar bandar? Lantaran itu, persoalan-persoalan seperti ini masih lagi bermain di minda generasi pada masa sekarang. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendedahan terhadap perkembangan sistem pendidikan di Malaysia masih kurang dikupas dengan lebih tersusun dan terperinci terumatanya berkenaan subjek Sejarah itu sendiri.

Lantaran itu, sejarah berkenaan dengan kandungan buku teks edisi lama dan baru haruslah diteliti agar sejarah pendidikan dapat dibincangkan dengan lebih spesifik seterusnya memperlihatkan perbandingan bagi kedua-dua buku teks tersebut. Begitu juga dengan perkembangan pendidikan Sejarah yang masih kurang dikaji serta isu dan cabaran semasa melaksanakannya. Topik ini mestilah dibahaskan dengan lebih mendalam supaya dapat mengelakkan kekeliruan yang masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat seterusnya mampu mencari jalan penyelesaian bagi setiap isu serta dapat menarik minat lebih ramai masyarakat agar cuba menghayati mata pelajaran Sejarah. Sehubungan itu, permasalahan isu ini telah menimbulkan beberapa persoalan kajian seperti:

1. Apakah latar belakang pendidikan mata pelajaran Sejarah sebelum tahun 2020?
2. Bagaimanakah perkembangan pendidikan mata pelajaran Sejarah pada tahun 2020?
3. Apakah isu dan cabaran yang wujud dalam pendidikan mata pelajaran Sejarah di Malaysia serta strategi mengatasinya?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mencapai penyelesaian kepada segala permasalahan kajian yang dinyatakan. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif kajian seperti mengetengahkan latar belakang pendidikan mata pelajaran Sejarah sebelum tahun 2020 iaitu berfokus kepada buku teks Tingkatan 5. Hal ini bertujuan untuk memperlihatkan senarai kandungan tentang pendidikan sejarah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan lebih mendalam.

Objektif kedua pula akan memfokuskan kepada penganalisan perkembangan pendidikan mata pelajaran Sejarah dari tahun 2013 hingga 2020. Hal ini kerana, wujudnya struktur pendidikan yang terkini iaitu *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Justeru, perkembangan pendidikan Sejarah perlu dikupas dengan lebih lanjut ekoran terdapat beberapa perubahan mahupun penambahbaikan dari pelbagai aspek.

Beralih pula kepada objektif ketiga yang akan meneliti tentang isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang melaksanakan pendidikan mata pelajaran Sejarah di Malaysia. Hal ini kerana, pendidikan Sejarah sangatlah penting dalam kehidupan namun kurang mendapat perhatian daripada golongan masyarakat. Maka, kajian ini sangat diperlukan untuk mencari sebab musabab supaya mampu menyediakan alternatif bagi menarik minat masyarakat agar lebih menghayati ilmu sejarah.

1.5 Sorotan Literatur

Isu pendidikan bukanlah suatu hal yang baru dalam kalangan penduduk di negara Malaysia. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa banyak sumber mahupun karya-karya yang dihasilkan oleh para sejarawan dalam menceritakan tentang sejarah pendidikan di Tanah Melayu sehinggalah mencapai tahap kemerdekaan di Malaysia. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa ramai ahli sejarawan ataupun pengkaji yang tertarik untuk mendalami kisah disebalik pengenalan sistem pendidikan di Malaysia. Namun begitu, setiap karya yang dihasilkan mempunyai pandangan yang tersendiri. Maka hal ini telah mewujudkan banyak idea-idea baru dalam mengupas sejarah tentang pengenalan sistem pendidikan di Tanah Melayu sehingga dianggap sebagai satu perkara yang agak rumit dan kompleks. Banyak juga sumber yang mengkaji tentang perkembangan pendidikan Sejarah dan isu-isu yang dihadapinya.

Perkara ini dapat dilihat melalui penulisan buku oleh Sufean Hussin yang bertajuk *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah* dan diterbitkan pada tahun 1993. Secara ringkasnya, karya ini mengupas dengan terperinci mengenai sejarah pendidikan di Malaysia. Buku ini ada menyentuh tentang perkembangan sejarah pendidikan sewaktu zaman penjajahan yang melibatkan pemerintahan kuasa British sekitar tahun 1800 hingga 1956. Menurut Sufean, pendidikan pada masa kini adalah peninggalan dan kesinambungan daripada sistem pendidikan pada era pemerintahan Inggeris seperti Dasar *Laissez-faire* yang menyebabkan wujudnya pengasingan sistem persekolahan atau lebih dikenali sebagai Sekolah Vernakular.⁷ Karya ini juga membincangkan soal pendidikan sekolah menengah seperti Pendidikan Menengah Atas yang meliputi pelajar Tingkatan Empat dan Lima. Dalam pada itu, buku ini turut memasukkan elemen isu pendidikan pada masa kini misalnya peningkatan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta daya upaya yang gigih para guru semasa sesi PdP. Melalui pembacaan buku ini pengkaji dapat memahami dengan mudah tentang perkembangan pendidikan di Malaysia kerana susun atur dan pembahagian bab yang baik serta penghuraian yang sangat jelas.

⁷ Sufean Hussin, *op cit.*, hlm. 5.

Seterusnya, penulisan disertasi yang dihasilkan oleh Norrizan binti Seman pada tahun 2003 yang bertajuk *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002)*. Berdasarkan karya ini, penulis mengupas tentang perkembangan pendidikan Sejarah di Malaysia bermula era pemerintahan British sehinggalah selepas merdeka. Selain itu, karya ini turut menyentuh tentang kepentingan pendidikan Sejarah misalnya membantu pelajar memahami dan mengaitkan tentang peristiwa masyarakat lampau dengan kehidupan masyarakat kini dalam masa yang sama membolehkan pelajar meluaskan dimensi hidup mereka.⁸ Melalui penulisan tesis ini, elemen kurikulum Sejarah dalam KBSR dan KBSM turut diketengahkan oleh penulis. Seterusnya, cabaran-cabaran dalam pendidikan Sejarah juga dibincangkan antaranya ialah isu menyuburkan semangat kecintaan kepada negara dalam diri para pelajar serta isu bahan-bahan pembelajaran yang dirujuk melalui sumber internet. Maka dengan itu, guru mahupun pelajar itu sendiri haruslah cakna dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi. Secara keseluruhannya, disertasi ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan beberapa maklumat penting yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Beralih pula kepada penulisan karya SH. Azad SH. Attar yang bertajuk *Islamisasi Ilmu dan Implikasinya kepada Falsafah dan Sistem Pendidikan Negara*. Karya ini turut membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pendidikan di Malaysia. Secara ringkasnya, penulisan ini ada membincangkan tentang pendidikan di negara Malaysia dalam aspek matlamat, kandungan dan kaedah pendidikan merangkumi empat zaman antaranya ialah semasa era penjajahan dan era kemerdekaan hingga tahun 1970. Selain itu, melalui kajian ini juga penulis turut memasukkan maklumat-maklumat mengenai pendidikan KBSR serta KBSM. Sehubungan itu, hasil karya ini merupakan antara sumber rujukan yang dapat digunakan dalam penulisan khususnya untuk memahami latar belakang pendidikan di Malaysia seterusnya mengumpul fakta-fakta yang dapat mengukuhkan hujah-hujah pengkaji.

⁸ Norrizan binti Seman, *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002)*, *Disertasi*, Universiti Malaya, 2003, hlm. 17.

Secara keseluruhannya, *History of Malaysian Education System: Year 1824 to 2025* yang disediakan oleh Ananda Devan Sivalingam pula mengupas tentang masa depan sistem pendidikan Malaysia berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Makalah ini turut menyentuh tentang sejarah pendidikan mengikut kronologi yang merangkumi Sekolah Menengah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Selain itu, artikel ini turut menerangkan tentang isu yang melanda di seluruh dunia iaitu Pandemik Covid-19 sehingga mengakibatkan banyak sektor-sektor terpaksa ditutup termasuklah sekolah-sekolah mahupun universiti. Oleh hal yang demikian, sistem pembelajaran dan pengajaran mengalami perubahan iaitu melalui kaedah atas talian ataupun *Online Learning*.⁹ Ringkasnya, norma baharu pada masa kini meningkatkan lagi cabaran kepada semua masyarakat dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan.

Seterusnya, penulisan artikel Mohd Samsudin dan Shahizan Shaharuddin yang bertajuk *Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia* telah diterbitkan pada tahun 2012 melalui jurnal *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*. Artikel ini memfokuskan kepada kepentingan kurikulum pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Malaysia. Berdasarkan artikel ini, mata pelajaran Sejarah mula mendapat perhatian apabila ia dijadikan sebagai salah satu subjek wajib lulus pada peringkat Sijil Pengajian Malaysia sejak tahun 2012.¹⁰ Selain itu, penulisan ini turut membincangkan tentang kerelevanan mata pelajaran Sejarah Malaysia khususnya dalam sukatan dan kandungan buku teks Tingkatan Lima. Seterusnya, artikel ini turut menekankan kepada isu dan cabaran yang dihadapi dalam sesi pengajaran subjek Sejarah. Contohnya, isu persepsi negatif pelajar yang menganggap subjek Sejarah adalah membosankan dan berulang serta penerimaan masyarakat pelbagai kaum tentang perbincangan Sejarah itu sendiri. Tambahan pula, penulisan ini turut membincangkan tentang kandungan dalam buku teks Sejarah khususnya buku Sejarah Tingkatan Lima. Pendek kata, artikel yang dikarang oleh Samsudin dan

⁹ Sivalingam, Ananda D, *History of Malaysian Education System: Year 1824 to 2025*, *Social Science Research Network*, Vol. 4(7), 2021: 8.

¹⁰ Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, *Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 39(2), 2012: 116.

Shahizan dapat membantu pengkaji untuk menganalisis tentang perkembangan ilmu sejarah terutamanya berkaitan dengan kandungan buku teks Sejarah Tingkatan Lima.

Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden merupakan sebuah artikel yang dikarang oleh Arba'iyah Mohd Noor dan telah diterbitkan pada tahun 2017 melalui jurnal *SEJARAH: Journal of the Department of History*. Secara keseluruhannya, artikel ini membincangkan tentang perkembangan pendidikan Sejarah sejak kedatangan Islam yang dibawa masuk oleh pendakwah dalam kalangan pedagang sehinggalah peristiwa pendidikan Sejarah selepas merdeka. Berdasarkan penulisan ini, pendidikan Sejarah sewaktu era penjajahan British hanya diberikan kepada peringkat rendah sahaja kerana pihak British enggan menerima risiko penentangan daripada orang Melayu sekiranya mereka mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Mereka hanya diajar pendidikan asas seperti mata pelajaran jawi, ilmu pengiraan, rumi, lukisan dan kesihatan sahaja.¹¹ Seterusnya, pendidikan Sejarah mula mengalami perubahan yang ketara apabila mata pelajaran Sejarah didedahkan kepada murid tahap dua tentang perkembangan sosial, ciri-ciri masyarakat dan sebagainya. Ringkasnya, karya ini menceritakan susur galur pendidikan Sejarah sejak kedatangan Islam sehinggalah sejarah Melayu dan sejarah Islam itu sendiri tidak lagi dititikberatkan semasa zaman kolonial British. Maka, pengkaji dapat meneliti perkembangan pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah dari awal kewujudannya sehinggalah mengalami banyak perubahan semasa era kemerdekaan di Malaysia.

Beralih pula kepada buku yang bertajuk *Rujukan Peperiksaan: Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)* yang diselenggarakan oleh Sidang Pengarang dan diterbitkan pada tahun 2003 oleh Penerbit Femina. Buku ini ada menyentuh tentang sejarah pendidikan semasa zaman penjajahan British dan zaman kemerdekaan. Melalui buku ini, terdapat beberapa Dasar Pendidikan Malaysia yang turut dibincangkan misalnya dari aspek objektif, strategi pelaksanaan dasar dan sebagainya.¹² Sehubungan itu, penulisan ini juga memasukkan elemen (KBSM) yang

¹¹ Arba'iyah Mohd Noor, *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden*, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 17(17). 2017: 49.

¹² Sidang Pengarang, *Rujukan Peperiksaan: Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)*, Petaling Jaya: Penerbit Femina, 2003, hlm. 318.